

Mudah dek minat

■ Penerima anugerah pendebat terbaik guna bahasa Arab setiap hari

Oleh Nur Hamzah Abd Kadir
am@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

“Tidak susah sebenarnya untuk bercakap dalam bahasa Arab kerana sejak dari kecil lagi saya memang minat dan sudah diajar bercakap menggunakan bahasa ini,” kata Muhd Redha Mohd Elyas yang memenangi Anugerah Pendebat Terbaik dalam Pertandingan Kejohanan Debat Bahasa Arab Maal Hijrah, di sini, semalam.

Menurut Redha, 22, pelajar jurusan Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, minatnya yang mendalam terhadap bahasa Arab adalah atas dorongan ibunya yang



PESERTA kumpulan UIAM (A), (dari kiri) Rizky Rivensky Usman Basyah, Ahmad Radhi Ramlan, Muhd Redha dan Nur Farhana Abdul Aziz, johan bagi kategori bahasa Arab.

juga fasih dalam bahasa itu.

“Ibu sentiasa galakkan saya belajar dan menguasai bahasa Arab, sebab itu sejak dari kecil ibu bercakap dengan saya menggunakan bahasa ini setiap hari.

“Saya bersyukur kerana ia secara tidak langsung membantu saya untuk lebih yakin ketika bercakap dan berdebat dengan peserta lain menggunakan bahasa itu,” katanya.

Selain itu, Redha dan ra-

kannya yang mewakili pasukan UIAM (A) turut memenangi hadiah utama apabila diumumkan Johan bagi kategori Bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang membawa pulang trofi serta hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.

Sebanyak 12 universiti tempatan menyertai pertandingan debat anjuran UIAM Gombak yang bermula Jumaat lalu, antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden UIAM, Tan Sri Dr Rais Yatim yang merasmikan majlis penutup dan menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan.

Menurut Rais, pertandingan ini bukan saja bertujuan mencungkil bakat pelajar malah mempromosikan bahasa Arab ke tahap yang lebih tinggi.